SOALAN NO. : 340

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN	:	**BUKAN LISAN**
DARIPADA	:	**UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**
NO. RUJUKAN	:	**DR33**

SOALAN:

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah sebab memilih kaedah membuat benteng batu bagi menghalang hakisan di kawasan pantai Kampung Tanjung Gelam dan Tok Jembal dan tidak memilih kaedah memanjangkan kawasan pantai tersebut dengan pasir atau tanah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Pantai Timur terletak berhadapan dengan perairan Laut China Selatan yang mana fenomena cuaca yang berbeza-beza setiap tahun menyebabkan keadaan laut yang kadang kala bergelora melebihi dari keadaan normal telah menyebabkan kadar hakisan semakin bertambah. Oleh itu, setiap pemilihan bagi struktur penahan hakisan dinilai mengikut kesesuaian, keberkesanan dan kos yang diperuntukkan.

Pemilihan struktur benteng batu merupakan kaedah paling berkesan, bersifat kekal dan kos untuk melaksanakannya adalah rendah jika dibandingkan dengan struktur-struktur kawalan yang lain.

Walau bagaimanapun, penambakan pasir juga merupakan kaedah terbaik bagi menangani masalah hakisan. Penambakan pasir merupakan proses menggantikan semula pasir yang telah terhakis di kawasan yang berkenaan. Namun begitu, proses hakisan tetap akan berlaku di mana pasir yang ditambak tersebut turut akan terhakis pada masa akan datang. Oleh yang demikian, penambakan semula pasir harus dilaksanakan secara berkala mengikut keperluan. Selain itu, kos bagi melaksanakan penambakan pasir ini adalah lebih mahal jika dibandingkan dengan struktur kawalan lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**
SOALAN	:	**341**

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan masalah atau kekangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang ada di negara ini untuk melaksanakan dasar patuh syariah.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini tidak wujud sebarang garis panduan patuh syariah yang dikuatkuasakan terhadap syarikat-syarikat penerbangan negara. Sebarang cadangan untuk mengenakan dasar patuh syariah terhadap syarikat penerbangan negara memerlukan penelitian lanjut serta pandangan pelbagai pihak sebelum ia dilaksanakan.